



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
EN. ABD RAHIM @ ABU BAKAR BIN LATIFF  
KERANI AKAUNTAN INSTITUT PENDIDIKAN AL-BALAGHUL MUBIN, RONG  
CHENOK

OLEH:

MOHD SYAHIR BIN RAHIM	2013936679
NORBADRUL AIMAN BIN HASAN	2013166055

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
EN. ABD RAHIM @ ABU BAKAR BIN LATIFF  
KERANI AKAUNTAN INSTITUT PENDIDIKAN AL-BALAGHUL MUBIN, RONG  
CHENOK

OLEH:

MOHD SYAHIR BIN RAHIM	2013936679
NORBADRUL AIMAN BIN HASAN	2013166055

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirrahim ...

Pertama sekali , kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah IMR 604 kami , Puan Nor Kamariah Binti Chik kerana bimbingan beliau , kesabaran dan persahabatan dalam kelas yang tidak pernah bosan untuk mengajar kami mengenai subjek ini. Kami juga ingin melahirkan rasa amat berterima kasih kerana mengajar kami dan memberi banyak pengetahuan dan lebih yakin untuk menamatkan tugas kumpulan ini.

Tidak dilupakan, sebuah penghargaan banyak ganjaran ke arah rakan-rakan kita yang berkongsi maklumat dan pendapat dengan kami untuk menyiapkan tugas ini. Cabaran-cabaran dan pengalaman untuk menyelesaikan tugas ini mengajar kami lebih banyak dan sangat berguna pada masa hadapan kami.

Terima kasih yang teramat sangat kepada En. Abd Rahim @ Abu Bakar Bin Latiff kerana sudi bekerjasama dengan kami serta sudi berkongsi maklumat mengenai Masjid Brunei Darussalam Danau Tok Uban. Akhir kata dari kami, ucapan terima kasih sekali lagi kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam projek ini bagi menyempurnakan tugas kami.

Terima kasih.

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** Temubual ini adalah dia antara kami dengan En. Abd Rahim @ Abu Bakar Bin Latiff iaitu Kerani Akauntan Institut Pendidikan Al-Balaghul Mubin,, Rong Chenok. Temubual ini dijalankan di pejabat beliau di Institut Pendidikan Al-Balaghul Mubin. Temubual ini dijalankan pada 26 April 2016 pada jam 4.35 petang. Pemerhatian, carian dalam laman sesawang serta temubual bersama tokoh berpengalaman telah dijalankan. Temubual ini berkisarkan tentang kewujudan Masjid Brunei Darussalam dan latarbelakang masjid tersebut. Ketika temubual ini dijalankan, kami dapat mengetahui sejarah masjid ini. Kami juga dapat mengetahui kaitan masjid ini dengan Sultan Brunei. Nama lain bagi Masjid Brunei Darussalam ini ialah masjid putih yang dibina pada 23 Januari 1985 dan telah dirasmikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra pada 23 Januari 1992. Masjid ini mempunyai keistimewaan dan ciri-cirinya tersendiri kerana masjid ini berdiri megah di atas sebuah tasik.

**Kata kunci:** masjid putih, keistimewaan, tasik .

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	ix
Transkrip.....	01
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Latar Belakang Masjid Brunei Darussalam, Danau Tok Uban.....	10
Bahagian 3: Sejarah Masjid Brunei Darussalam.....	19
Bahagian 4: Aktiviti Di Masjid Brunei Darussalam.....	35
Bahagian 5: Kisah Disebalik Penubuhan Masjid Brunei Darussalam.....	40
Rujukan.....	43
Lampiran.....	44
Log Wawancara.....	45
Diari Kajian.....	51
Senarai Soalan .....	54
Surat Perjanjian.....	60
Gambar.....	62
Indeks.....	63

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



*Gambarajah 1*  
En. Abd Rahim @ Abu Bakar Bin Latiff

Nama penuh	En. Abd Rahim @ Abu Bakar Bin Latiff
Nama panggilan	En. Rahim
Umur	65 Tahun
Pekerjaan	Kerani Akauntan Maahad <i>Tahfiz Al-Balaghul Mubin</i> , Rong Chenok Pesara Pegawai Kementerian Pendidikan (1974-2007)
Asal	Orang Tempatan
Status	Berkahwin
No Telefon	013-902 ####

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Masjid Brunei Darussalam atau nama lainnya Masjid Putih ini dibina berserta dengan sebuah madrasah atas nama Almarhum Sultan Omar ‘Ali Saifuddin iaitu ayahanda kepada Sultan Brunei sekarang dan dirasmikan oleh Sultan Kelantan pada 23 Januari 1992 bersamaan 18 Rejab 1412H. Masjid Brunei terletak di Danau Tok Uban atau lebih tepat di Rong Chenok, Pasir Mas. Kedudukannya di hujung jalan kampung. Pada awalnya tiada ramai yang tahu tentang masjid ini, namun setelah 20 tahun pembinaannya, ia mula menjadi popular kerana ada kaitan dengan Sultan Brunei. Masjid ini diwakafkan oleh Sultan Brunei, Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah kepada sekolah tahfiz di Kampung Rong Chenok. Suasana di kawasan Masjid ini amat mendamaikan dan mententeramkan jiwa dan sesuai dijadikan kawasan pengajian terutama Tahfiz.

Pada awalnya penduduk kawasan ini mahu membina sebuah masjid namun kekurangan sumber kewangan. AJK Masjid telah menulis sepucuk surat kepada Sultan Brunei ketika itu untuk meminta jasa baik daripada Baginda Sultan, dengan izin Allah s.w.t. Sultan Brunei memperkenankan permintaan mereka dan Baginda sanggup membiayai keseluruhan kos pembinaan. Sebagai tanda syukur dan terima kasih Masjid ini telah dinamakan sebagai Masjid Brunei Darussalam. Tiada misteri yang terselindung disebalik pembinaan Masjid ini. Baginda Sultan Brunei berkenan untuk membina kawasan ini kerana leluhur Kesultanan Brunei berasal dari kawasan ini. Dahulunya kawasan ini adalah tempat Sayyid Hussien Jamadil Qubra. Beliau telah menghantar salah seorang anaknya untuk berdakwah ke Borneo dan akhirnya ditabah menjadi Sultan Brunei dan dari sinilah berkembangnya Kesultanan Brunei kini. Sebagai tanda ingatan, Baginda memperkenankan pembinaan masjid ini.

Jalan menuju ke Masjid ini agak sukar sedikit dengan keadaan jalan yang kurang elok termasuklah kiri kanan hutan tebal dan kebun getah. Didalam kawasan Masjid ini turut terdapat pusat Tahfiz Sultan Omar Ali dan dimana pusat ini diamanahkan menjaga kebersihan dan penyelenggaraan Masjid Brunei Darussalam.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Rakaman ini berkisah tentang sejarah Masjid Brunei Darussalam atau lebih dikenali sebagai Masjid Putih. Soalan yang diajukan terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian pertama ialah mengenali latar belakang pencerita. Bahagian kedua ialah latar belakang Masjid Brunei Darussalam. Bahagian ketiga ialah sejarah Masjid Brunei Darussalam. Bahagian keempat ialah aktiviti di masjid Brunei. Bahagian kelima ialah Kisah di sebalik penubuhan masjid Brunei Darussalam. Berikut adalah hasil rakaman.

**Petunjuk:**

ER: Encik Rahim  
MS: Mohd Syahir  
BA: Badrul Aiman

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**MS : Assalamualaikum Encik. Saya Mohd Syahir bin Rahim dan rakan saya Nor Badrul Aiman bin Hasan dari UiTM [Universiti Teknologi Mara] Machang. Temuramah ini dijalankan oleh kami, pengkaji 1 di pejabat Encik Rahim di Kampung Rong Chenuk Tanah Merah pada tarikh (bunyi cordless) dua puluh enam haribulan empat dua ribu enam belas [26/04/2016] bersamaan dengan hari Selasa bermula bermula pukul empat-tiga-lima [4.35 petang] hingga pukul enam [6.00 petang]. Temuramah ini (bunyi cordless) diadakan untuk memenuhi subjek IMR604 iaitu [Pendokumentasian Sejarah Lisan] tentang kisah rakyat Kelantan. Saya**

**akan bertanyakan tentang latar belakang Encik Rahim (bunyi cordless) untuk bahagian A.**

**MS : Siapakah nama encik?**

**ER : Bismillahirrahmanirrahim. Nama saya yang sebenar Abu Bakar bin Latif. Tapi dikenali di kampung dipanggil sebagai Rahim, Abdul Rahim. Itu nama timangan di kampung ini.(bunyi cordless)**

**MS : Nama pangilan mesra?**

**ER : Nama pangilan mesra. (bunyi burung)**

**MS : Encik Rahim?**

**ER : Encik Rahim, ya. Para pelajar-pelajar di sini memanggil saya dan staf dan guru serta pelajar sini memanggil saya Abang Him atau Abang Rahim. (bunyi burung)**

**BA : Berapakah umur Encik Rahim?**

**ER : Umur saya sekarang ni enam-puluh-lima (65) tahun.**

**BA : Apakah pekerjaan Encik Rahim sekarang ini?**

ER : Saya di tahfiz ini saya memegang jawatan (bunyi pintu pejabat dibuka) sebagai kerani akaun (bunyi pintu pejabat ditutup).

BA : **(Bunyi jam tangan berdetik)** Sudah berapa lamakah Encik Rahim berkhidmat di pusat tahfiz ini?

ER : (Bunyi pintu pejabat dibuka) Saya berkhidmat di sini sudah masuk enam (6) tahun di tahfiz ini. [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin]

BA : **(Bunyi pintu pejabat ditutup)** Mengapakah Encik Rahim bekerja di sini?

ER : (Bunyi pintu pejabat dibuka) Saya bekerja di sini kerana satu daripadanya untuk membantu urusan dan pentadbiran di tahfiz ini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin] selain daripada untuk membuat amal jariah di sudut agama iaitu sekolah tahfiz selain daripada menampung pendapatan (bunyi pintu pejabat ditutup) harian saya.

MS : **Mengapakah Encik Rahim masih bekerja walaupun sudah bersara?**

ER : (Bunyi hon kereta) Yang utama saya untuk membantu tahfiz Al-Balaghul Mubin ini (bunyi pintu dibuka) dari segi pengurusan dan pentadbiran secara hal ehwal yang berkaitan di sekolah ini kerana sekolah tahfiz ini (bunyi kertas diselak)

adalah sekolah dimana terletaknya di kampung asal saya. Tempat kelahiran saya ini dan saya ingin berkhidmat (bunyi kertas diselak) untuk anak-anak kampung saya. Selain daripada itu, untuk meneruskan hasrat saya untuk berkhidmat sebagai sukarela di sudut amal jariah. Itu saja.

**MS : Dimanakah Encik Rahim tinggal sekarang?**

ER : Sekarang ini saya tinggal di Kampung Belimbing, Tanah Merah, Kelantan. (bunyi cordless).

**MS : Apakah nama kampung pak cik ini?**

ER : Kampung ini adalah Kampung Rong Chenuk. Daerah Kampung Rong Chenuk, Mukim Tok Uban, Daerah Kankong, Jajahan Pasir Mas, Kelantan.

**MS : Adakah Encik Rahim berasal dari kampung ini sejak kecil?**

ER : Ya, saya memang dilahirkan di kampung ini.

**MS : Adakah ibubapa Encik Rahim masih ada?**

ER : Semua ibubapa sudah tidak ada. Sudah meninggal.

**MS** : (ambil menarik nafas) Adakah mereka berasal dari kampung ini juga?

**ER** : Ya, mereka semua berasal dari kampung ini.

**MS** : (bunyi kertas diselak) Berapakah ahli keluarga iaitu (adik beradik) Encik Rahim?

**ER** : Saya adik beradik saya tujuh [7] orang.

**MS** : Adakah mereka juga tinggal di kampung ini?

**ER** : Dua [2] daripadanya di kampung ini dan lain-lain itu [adik beradik Encik Rahim yang lain] di luar daripada kampung [Kampung Rong Chenuk] inilah.

**MS** : Mengapa pak cik masih tinggal di kampung [Kampung Rong Chenuk] ini?

**ER** : Saya tinggal di kampung [Kampung Rong Chenuk] ini (bunyi cordless) sebagai pekerja di institut ini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin] dan saya (bunyi cordless) sememangnya sebenar saya menetap di Kampung Belimbing, Tanah Merah. Dan sebagai kampung asal saya [Kampung Rong Chenuk], bermakna

saya berulang alik kerja saya di sini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin] ke rumah saya di Tanah Merah.

**MS** : Berapa lamakah perjalanan daripada Kg. Belimbing iaitu rumah Encik Rahim ke pejabat?

**ER** : Lebih kurang perjalanan daripada rumah saya ke *sini* [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin] lebih kurang kalau dengan kenderaan *motor* [motosikal] ataupun *kereta* lebih kurang *dua-puluh* [20] minit.

**BA** : (sambil menarik nafas) Adakah Encik Rahim pernah menetap di luar daripada kampung ini?

**ER** : Ya, sebelum ini saya pernah menetap di beberapa buah tempat di luar *kampung ini* [Kampung Rong Chenuk] sewaktu saya (bunyi kertas diselak) bertugas dengan jabatan kerajaan sebelum ini.

**MS** : Boleh kami tahu (bunyi kertas diselak) dimana Encik Rahim menetap sebelum berpindah ke kampung ini [Kampung Rong Chenuk] semula?

**ER** : Selepas saya tamat belajar, saya bertugas di Sekolah Menengah Vokasional Pengkalan Chepa dan sekarang dikenali Kolej Vokasional. Kemudian, sampai

*lima-belas* [15] tahun di Pengkalan Chepa, saya bertukar ke Jabatan Pelajaran Pahang dan seterusnya ke Sekolah Menengah Sungai Koyan di Kuala Lipis, Pahang. Lebih kurang *dua-belas* [12] tahun di Sungai Koyan, saya bertukar ke Jabatan Pelajaran Terengganu, Kuala Terengganu di Jabatan Pelajaran Kuala Terengganu. Di *sana* [Jabatan Pelajaran Terengganu] saya tinggal di Kampung Batu Buruk dan bertugas sana [Kampung Batu Buruk] lebih kurang *sebelas* [11] tahun lebih dan bersara di Jabatan Pelajaran Terengganu. (Bunyi burung) Selepas bersara daripada Jabatan Pelajaran Terengganu, saya berehat lebih kurang *dua* [2] tahun. Selepas dua [2] tahun, saya bertugas balik di tahniz ini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin].

**MS : (bunyi kertas diselak) Apakah status Encik Rahim?**

**ER : Saya masih berkeluarga. Mempunyai lima orang anak. Seorang isteri lah.**

**MS : Adakah isteri Encik Rahim berasal dari *kampung ini* [Kampung Rong Chenuk] juga?**

**ER : Ya, isteri saya memang dari *kampung ini* [Kampung Rong Chenuk] juga.**

**MS : Apakah pekerjaan *beliau* [isteri Encik Rahim]?**

ER : *Dia* [isteri Encik Rahim] bekerja suri rumah sepenuh masa.

MS : **Adakah anak-anak Encik Rahim tinggal bersama?**

ER : Anak saya semuanya bertugas di luar Kelantan. Tidak tinggal bersama.

MS : **Apakah taraf pendidikan Encik Rahim?**

ER : Pendidikan saya STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia].

MS : **Dimanakah sekolah rendah dan menengah yang Encik Rahim pernah belajar?**

ER : Sekolah rendah saya ialah Sekolah Kebangsaan Benchang Kelubi, Pasir Mas. Dan Sekolah Menengah Lundang (bunyi cordless). Sekarang ini Sekolah Tok Uban. Kemudian berakhir di Sekolah Menengah Lemal, Pasir Mas. Sekolah Menengah Lemal itu sekarang ini ditukar kepada Sekolah Menengah Datuk Paduka Raja. Saya tak pasti nama itu. Tidak ingat dengan nama baru [Sekolah Menengah Panglima Raja]. Sekolah Menengah Lemal -- dulu Sekolah Menengah Panglima Raja.

- BA : *Time [Semasa] STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia)?*
- ER : SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]. STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] saya persendirianlah dan sekolah swasta. *Lepah* [selepas] itu *takdelah* [tiadalah]. Pengajian saya setakat STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia].

### **TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG MASJID BRUNEI DARUSSALAM, DANAU TOK UBAN**

- MS : Okay. Bahagian B, kami akan bertanyakan tentang Masjid Brunei Darussalam inilah.

- MS : Apakah nama sebenar masjid Brunei?

- ER : Nama Masjid Brunei ialah Masjid Brunei Darussalam Kampung Rong Chenuk, Pasir Mas, Kelantan. Dan biasa juga dipanggil Masjid Brunei Danau Toban ataupun Danau Tok Uban.

- MS : Apakah nama lain bagi masjid brunei?

- ER : Nama lain biasa *jugok* [juga] dipanggil Masjid Putih.

**MS** : (Bunyi kertas diselak) Siapakah yang memberi nama untuk masjid ini [Masjid Brunei]?

**ER** : Nama masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] saya tidak pasti tapi saya jangka kemungkinan besar yang diberi oleh (bunyi pintu pejabat dibuka) arwah Datuk Nasir dan pihak Sultan Brunei.

**BA** : Apakah keunikan utama Masjid Brunei?

**ER** : Apa yang saya *napok* [nampak], keunikannya satu, dia [Masjid Brunei Darussalam] dibina di tebing tasik dan ciri-ciri pembinaannya agak berlainan *sikit* [sedikit] daripada beberapa masjid yang berhampiran sekitar sini [Kampung Rong Chenuk]. Dan *diapun* [Masjid Brunei Darussalam] dibina dibiayai oleh pihak Sultan Brunei.

**MS** : (Bunyi kertas diselak) Apakah ciri-ciri yang Encik Rahim maksudkan itu?

**ER** : Ciri-ciri pembinaannya di tebing danau dan sebahagiannya [Masjid Brunei Darussalam] mencecah air. Di sebahagiannya terutama di bahagian jeti terapung *macam* [seperti] di atas air. Yang kedua itu dia [Masjid Brunei Darussalam] dibina dengan marmar dan pembinaannya direka oleh pereka khas lah. Bukan daripada idea kampung kita sini [Kampung Rong Chenuk]. Dan masjid ini

[Masjid Brunei Darussalam] juga selalu dikunjungi oleh pihak-pihak luar daripada Kelantan terutamanya.

**MS : Bilakah masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] ditubuhkan?**

**ER :** (Bunyi kertas diselak) Masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] ditubuhkan berikutan dengan wujudnya tahniz Institut Pendidikan Al-Balaghul Mubin iaitu dia [Masjid Brunei Darussalam] sebagai pelengkap dan sebagai ikon (bunyi kertas diselak) kepada institut tahniz inilah [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin]. Dan dia [Masjid Brunei Darussalam] dibina *dua-puluh-tiga* [23] Januari sekitar bulan Januari *Sembilan-belas-lapan-puluh-lima* [1985] bersamaan dengan wujudnya sekolah tahniz ini dan dia telah dirasmikan pada (bunyi kertas diselak) *dua-puluh-ttiga* [23] Januari sembilan-belas-sembilan-puluh-dua [1992] hari Khamis lapan-belas [18] Rejab empat-belas-dua-belas [1412] Hijrah dan dirasmikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra. Mengikut catatan tidak rasmi, masjid ini telah dibina (bunyi kertas diselak) dua-puluh-tiga [23] Januari Sembilan-belas-lapan-puluh-lima [1985].

**MS : Siapakah yang membina masjid ini [Masjid Brunei Darussalam]?**

**ER :** Masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] telah dibina oleh sebuah syarikat

kontraktor melayu bumiputera dimana peruntukannya diberi pihak Sultan Brunei sekarang ini iaitu Sultan Hasanah Bolkiah untuk amal jariah ayahandanya Sultan Omar Ali Saifuddin.

**MS : Mengapakah masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] dibina di sini?**

**ER : Masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] dibina *atah* [atas] hasrat tuan punya tanah ini iaitu allahyarham Datuk Haji Mohamad bin Nasir. Hak milik tanah kawasan masjid dan kawasan tahniz (bunyi kertas diselak) ini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin] dimana dia [allahyarham Datuk Haji Mohamad bin Nasir] telah mewakafkan untuk pelajar tahniz. (bunyi burung)**

**BA : (Bunyi kertas diselak) Berapakah keluasan Masjid Brunei Darussalam ini?**

**ER : Keluasan masjid [Masjid Brunei Darussalam] saya *takde* [tiada] rekod. Cuma keluasan kawasan tanah tapak semua itu lebih kurang empat [4] ekar dan keluasan kesemua kawasan tahniz yang berkaitan dengan masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] kira-kira enam-belas [16] ekar. (bunyi burung)**

**BA : *Berapo* [Berapa] tingkat masjid ini [Masjid Brunei Darussalam]?**

**ER : Masjid [Masjid Brunei Darussalam] dua [2] tingkat. (bunyi burung)**

**BA** : Dikatakan ada jeti di belakang masjid. Apakah fungsi jeti tersebut?

**ER** : Jeti ini [Masjid Brunei Darussalam] dulu berfungsi bila masa perasmian dulu digunakan untuk tetamu yang menggunakan bot akan mengguna jeti itu untuk naik ke masjid apabila paras air tu mencecah paras biasa dibawah jetilah. Dan musim kemarau di kawasan itu [Danau Toban] kadang-kadang keringla air itu. Musim keadaan biasa memang ada air di tangga itu [Masjid Brunei Darussalam]. *Makna* [bermakna] kalau menaiki bot, jeti itu [Masjid Brunei Darussalam] boleh diguna untuk *kalau* [apabila] kita mengguna bot ataupun perahu, kita boleh *parking* [letak] di jeti itu untuk naik ke atas. (bunyi burung)

**BA** : Jeti tersebut pernah digunakan?

**ER** : Ya. (bunyi burung)

**BA** : Pernah digunakan?

**ER** : Ya, jeti ini pernah digunakan terutamanya semasa awal-awal pembinaan (bunyi kertas diselak) dulu [pembinaan Masjid Brunei Darussalam]. Dan semasa pembinaan dulu, semasa perasmian dulu digunakan untuk *dif-dif* [orang kenamaan] jemputan itu untuk majlis perasmian itu [Masjid Brunei

Darussalam]. Guna jeti Itu lah. (bunyi burung)

MS : Bot itu datang daripada arah mana?

ER : Bot itu *kita* [mereka] yang mengguna sungai itu [Danau Toban], mana-mana bot yang untuk *tujuan* [hendak] ke masjid itulah [Masjid Brunei Darussalam]. Tapi sekarang ini tidak diguna khususlah sebagai, *pasal* [kerana] masjid itu diguna melalui daratan inilah. Tidak guna itu [jeti Masjid Brunei Darussalam] lah. Untuk masa tertentu saja. Mungkin kalau ada orang *besar-besar* [orang kenamaan] yang tidak mahu melalui darat [jalan darat], mungkin dia boleh daripada Tok Uban menaiki bot, datang sini [Masjid Brunei Darussalam], *parking* [letak bot] disitulah [Masjid Brunei]. Naik *sapa ko tok payoh singgoh* [sampai tidak perlu singgah] di pengkalan lain untuk ke situ [Masjid Brunei Darussalam]. Kalau musim ada air lah [air pasang]. (bunyi burung)

MS : Siapakah yang tingal di sebuah pulau dan rumah berhampiran dengan masjid ini?

ER : (Sambil batuk) Rumah itu sebenarnya rumah peranginan (bunyi jam tangan berdetik) milik tahfiz ini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin] *jugok* [juga] yang diguna oleh pelawat-pelawat terutamanya pihak pemilik tanah ini, arwah Datuk Nasir sebagai tempat rehat dia apabila semasa bercuti, semasa dia datang

sini dan rumah itu tidak ada *sape-sape* [sesiapa] yang tinggal di situ. Sebagai rumah penginapan biasa. Sebagai chalet lah lebih kurang.

|  
**MS : Apakah simbolik masjid ini kepada negeri Kelantan dan Brunei?**

**ER :** Bagi saya, dia [Masjid Brunei Darussalam] biasa saja. Tetapi kepada pihak Sultan Brunei, masjid ini adalah simbol amal jariah Sultan Hasanal Bolkiah iaitu sultan sekarang ni untuk amal jariah ayahandanya. Dan kepada negeri Kelantan, (bunyi kertas) saya rasa simbol pelancongan. Boleh diterapkan sebagai simbol pelancongan juga walaupun masih belum begitu popular.

**MS : Adakah kerabat diraja Kelantan mengakui akan sejarah masjid ini dengan Brunei? (bunyi Encik Rahim menarik nafas) Mengesahkan?**

**ER :** Saya tak pasti tentang pertanyaan itu tapi apa yang saya tahu Masjid Brunei ini adalah secara tak langsung perhubungan peribadi di antara arwah Datuk Nasir ini dengan Sultan Brunei. Dan, setahu saya *jugok* [juga] penubuhan masjid ini atas perhubungan peribadi arwah Datuk Nasir dengan Sultan Brunei. Dan setahu saya juga, apa yang saya difahamkan peruntukannya bukan daripada peruntukan kerajaan negeri. Ia semata-semata peruntukan peribadi kepada pihak Sultan Brunei kepada institut tahfiz ini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin] untuk amal jariah ayahanda Sultan Hasanal Bolkiah.

**MS** : (bunyi kertas diselak) Pernahkah sultan Kelantan melawat atau solat di masjid ini?

**ER** : (ambil batuk) Setahu saya dia pernah datang sini dan (bunyi kertas diselak) sultan yang merasmikan masjid itulah Sultan Ke bawah Duli Sultan Ismail Petra yang saya maklum *takdi* [tadi]. Sultan Ismail Petra telah merasmikan pembukaan masjid ini [Masjid Brunei] dan tahfiz ini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin] pada dua-puluh-tiga [23] Januari Sembilan-belas-sembilan-puluh-dua [1992]. Dan selepas itu saya pun tidak pasti sama ada dia [Sultan Kelantan] datang lagi sebelum ini. Wallahualam. Semasa itu saya berada di luar [luar Kampung Rong Chenuk].

**MS** : Adakah masjid ini diiktiraf oleh kerajaan negeri sebagai keunikan di negeri Kelantan?

**ER** : Itu saya tak pasti *pasa* [sebab]. saya tak tahu sejauh mana tanggapan kerajaan negeri pihak kerajaan terhadap masjid ini. Mungkin jugak sebagai salah satu simbol tarikan untuk pelancong di negeri Kelantan. (bunyi burung)

**BA** : Adakah pihak *kerajee* [kerajaan] pernah datang kesini untuk menambahbaik masjid ini dan tahfiz?

ER : Kita pernah dapat peruntukan daripada kerajaan untuk membaik pulih selain daripada peruntukan yang diberi oleh Sultan Brunei untuk (bunyi kertas diselak) membaik pulih Masjid Brunei ini.

MS : **Adakah masjid ini mempunyai kaitan dengan Tok Uban dan Bukit Panau?**

ER : Setahu saya, masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] tidak berkait secara langsung *pasa* [kerana] dia khusus untuk sekolah tahfiz [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin]. Masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] bukan (bunyi kertas diselak) masjid awam tetapi masjid hak milik individu iaitu kepunyaan asset sumbangan daripada pihak Sultan Brunei dimana tanah ini daripada pihak arwah Datuk Hj. Mohamad Nasir. Dan, cuma Masjid Brunei ini terletak di Kampung Rong Chenuk. Dan Kampung Rong Chenuk ini terletak di Mukim Tok Uban. Itu kaitannya. *Pasa* [Sebab] Kampung Rong Chenuk terletak dibawah Mukim Tok Uban. Itulah *pasal* [sebab] ada kaitan dengan Tok Uban. Secara tidak langsung *bowoh* [bawah] Tok Uban juga lah. Ada merangkumi bawah naungan.

BA : **Kaitan juga?**

ER : Kaitanlah. Kan di *bowoh* [bawah] mukim dia [Mukim Tok Uban].

## **TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: SEJARAH MASJID BRUNEI DARUSSALAM**

**MS : Apakah kaitan masjid ini dengan Sultan Brunei?**

**ER : Sebagaimana yang saya sebut sebelum ini, Masjid Brunei adalah aset yang disumbangkan sebagai amal jariah Sultan Brunei sekarang iaitu Sultan Hasanul Bolkiah (bunyi kertas diselak) untuk ayahanda baginda iaitu (bunyi cordless dialihkan) almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin. Ayahanda Sultan Brunei sekarang [Sultan Hasanul Bolkiah]. (bunyi burung)**

**MS : Itu ayah sekarang?**

**ER : Ya, Sultan Brunei sekarang Sultan Hasanul Bolkiah. Jadi Sultan Hasanul Bolkiah ini buat amal jariah dia melalui sumbangan membina Masjid Brunei Darussalam ini di pinggiran Danau Toban inilah. Dan pembinaannya juga adalah atas usaha kerjasama arwah Datuk Nasir [tuan tanah sekolah tahfiz] dengan pihak Sultan Brunei dimana pihak Datuk Nasir menyediakan tanah tapak sekolah dan tapak masjid. Dan pihak Sultan Brunei memberi sumbangan aset berupa bangunan. (bunyi burung)**

**MS : Apakah bukti yang menunjukkan masjid ini ada kaitan dengan Sultan Brunei?**

ER : Masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] ada kaitan dengan Sultan Brunei. Kalau kita [sesiapa] tengok di plak di dinding masjid dan perkataannya itu adalah perkataan ‘Masjid Brunei Darussalam’. Masjid Brunei Darussalam itu adalah sebagai kaitan ada hubungan dengan Masjid Brunei Darussalam. Dan saya difahamkan juga, Masjid Brunei Darussalam terdapat juga di Brunei Darussalam. Dan kalau tidak salah ingatan saya, seni bina jugok [juga] ada berciri-ciri Masjid Brunei yang ada di Brunei.

MS : Siapakah keturunan Sultan Brunei yang masih tinggal di sini?

ER : Disini [Kampung Rong Chenuk] *takde* [tiada] mana-mana keturunan Sultan Brunei yang tinggal disini. (bunyi burung)

MS : Apakah nama tasik ini?

ER : Tasik ini adalah Danau Toban. Danau Toban. Tetapi sesetengah orang memanggil Danau Tok Uban. Tapi apa yang saya tahu (bunyi kertas diselak) daripada arwah Datuk Nasir dan (bunyi kertas diselak) daripada dokumen-dokumen yang saya tahu, nama sebenar ialah Danau Toban. Danau Toban ini adalah sempena ambil gabungan Tok Uban dijadikan T-O-B-A-N. Tapi sekarang ni dieja T-U-K Uban. Macam-macam ejaan kan. Tapi setahu saya ejaan sebenarnya Danau Toban,T-O-B-A-N. Dan pernah dicerita oleh arwah

Datuk Nasir ini [tuan tanah], Danau Tok Uban ini adalah ilham dia [arwah Datuk Nasir] perolehi semasa dia buat lawatan (bunyi kerusi) di Indonesia di Danau Toba. Ilham Danau Toba itu dia bawa kesini [Danau Toban]. Danau Toban, Toba dengan Toban. Tapi sekarang ini ejaan kadang-kadang berbeza. Tok Uban, Danau Tok Uban. Sesetengah, Tasik Danau To Uban. Tetapi dia [Danau Toban] dulu dipanggil Danau Toban.

**BA : Adakah tasik ini tasik semulajadi atau tasik buatan?(ambil menarik nafas)**

ER : Suatu ketika dulu sebenarnya kawasan di sekitar ini *takde* [tiada] tasik. Dia [asal Danau Toban] hanya ada satu aliran anak sungai. Kalau kita [sesiapa] berada di Masjid Brunei itu dan andaikan Masjid Brunei di belakang kita, hala [menghala] sebelah kiri kita sebelah tangan kita ada satu sungai. Dan sungai ini akan sampai ke Jambatan Jegor dan sampai kepada Kijang, anak sungai ini. Dan kalau sebelah kanan akan sampai ke Kampung Berchang. Sebelah hulu lah. (bunyi burung). Kampung kita [Kampung Rong Chenuk] ni seolah-olah macam tanjung dan sungainya berbentuk Y. Dan dimana pangkalnya menghala ke Pekan Tok Uban. Dan sampai ke Batu Hampar dimana *gate* [benteng] dibuat empangan air untuk saliran air ke kawasan padi jajahan Pasir Mas khususnya. Kalau pergi di sebelah ada satu *gate* [benteng] dimana *gate* [benteng] ini menyekat air yang menyebabkan paras takungan air naik kerana sekatan itu. Apabila paras itu naik sungai itu [Sungai Lemal] jadi tenggelam dan paras air telah melimpahi semua

kawasan rendah yang menjadikan seolah macam tasik. Ertinya macam tasik buatan juga lah yang asalnya sungai. (ambil menarik nafas) Dan sungai adalah asal sebenarnya dipanggil Sungai Lemal. Sungai ni dipanggil Sungai Lemal.

**BA : Bersambung dengan Sungai Kelantan?**

ER : Dia [Sungai Lemal] tak bersambung dengan Sungai Kelantan. (bunyi burung) Dia [Sungai Lemal] akan bersambung hujung ini kalau tidak salah saya lah dia [Sungai Lemal] bersambung dengan Sungai Golok. Dia [Sungai Lemal] menghala ke Takbai kalau tidak salah saya kualanya. Dan kalau kita pergi di Lubok Jong, di antara Lubok Jong dengan Pasir Mas itu ada satu sungai. Kalau kita *google* [layari internet], ada nampak saluran air terus ke Sungai Golok di Takbai lah. Apa yang saya faham gitulah [begitulah] (ambil menarik nafas). Dan tasik ini [Danau Toban] sebenarnya dibuat apa ni *gate* [benteng] lain itu, sekatan air ataupun tandat air dibuat oleh pihak *KADA* [Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu] (bunyi burung) dimana untuk mengumpul air supaya musim kemarau boleh disalirkan ke sawah padi yang kekurangan air untuk mengusahakan tanaman padi tiga [3] kali setahun macam sekarang ini lah ekoran daripada tali air itu dan untuk sebagai takungan air untuk dibekalkan pada musim kemarau, musim yang dimana sawah padi kekeringan air. Air yang ditandat atau yang disimpan di kawasan danau ini sepanjang sungai dilepaskan ke sawah padi pada musim-musim diperlukan terutamanya musim kemarau lah.

Terutamanya untuk jajahan kawasan Pasir Mas dan sekitar.

**BA : Pernahkah tasik ini melimpahi tebing or (atau) banjir di masjid brunei?**

ER : Ya, sebenarnya kawasan masjid dan kawasan Kampung Rong Chenuk dan sekitarnya boleh dikatakan setiap tahun ditenggelami banjir. Dan kawasan kita sini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin] dan kawasan masjid tenggelam. Dan dekat kawasan pejabat ini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin] macam banjir besar tahun lepas, hampir semua kawasan sekolah dan kawasan masjid tenggelam. Kalau masjid itu [Masjid Brunei], kalau tidak salah saya, atas masjid sahaja dekat paras peha. Dan kawasan didepan pejabat ini paras dada. Dan kampung ini [Kampung Rong Chenuk] putus perhubungan dengan beberapa di kawasan sekitar. Masjid tenggelam tapi tak tenggelam habis. Boleh *duduk* [tinggal] lagi.

**BA : Memang setiap tahun la?**

ER : Kampung sebelah itu tenggelam *jugak* [juga] tapi tak habis [semua] lagi. Masih ada *sikit* [sedikit] lagi. Maknanya kalau hujan *berat* [lebat] lagi kira tenggelam habis kampung ini [Kampung Rong Chenuk]. Dan mungkin kalau tidak salah saya, *dia* [banjir] bukan kali pertama lah. Banjir-banjir besar sebelum ini pun pernah tenggelam kampung ini [Kampung Rong Chenuk].

**BA : Termasuk masjid [Masjid Brunei Darussalam]?**

ER : Ya. Termasuk masjid ini [Masjid Brunei Darussalam]. Memang kawasan masjid itu tenggelam lah. Dan boleh dikatakan kawasan tahfiz ini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin] dan kawasan masjid itu [Masjid Brunei Darussalam] hampir setiap tahun ditenggelami air. *Pasal* [Sebab] itu kita tidak boleh buat prasarana yang *come-come* [elok-elok] *pasa* [kerana] rosak tenggelam banjir. *Wat* [Buat] hanyut banjir. Setiap kali banjir, *kita* [pihak tahfiz] nak peruntukan *takde* [tiada]. Itu salah satu sebab kita tak boleh *perhiasan* [menghias] lebih-lebih lah. Maknanya lepas banjir *nok wat pulok pitih pulok* [nak buat balik pakai wang]. *Pahtu* [Selepas itu] sekarang ni hujung-hujung banjir -- kito nak *wak* [buat] semula selepas banjir. Jadi setiap tahun banjir akan tenggelam. (bunyi burung).

**MS : Berapakah keluasan tasik ini [Danau Toban] dianggarkan?**

ER : Keluasan tasik ini [Danau Toban] saya pun tidak dapat dengan tepat -- anggaran saya lah, anggaran saya masa dulu (bunyi kertas diselak), masa dulu sungai ini [Danau Toban] kecil sahaja lebih kurang [12] kaki lebar di kawasan depan di tengah tengah kawasan tasik ini ialah sungai dan keluasan lebar sungai itu [Danau Toban] lebih kurang sepuluh [10] kaki hingga ke dua-belas [12] kaki sahaja di mana waktu saya kecil-kecil dulu saya pernah menyeberangi tu,

menyeberangi sungai itu [Danau Toban] dengan bergantung kepada pokok kayu pergi ke seberang sana, dan keluasan yang ada pada hari ini ada kerana proses tадahan air yang di buat di, ape ni, di Tok Uban itu, ape ni, untuk bekalan untuk kawasan pertanian tanaman padi di bawah projek *KADA* [Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu] tu lah dan kawasan yang paling luas adalah kawasan tengah, kawasan tengah sana (bunyi kertas diselak), dan kalau dikirakan keluasan yang ada, yang ada air ni, yang kita nampak hari ni anggaran saya lah lebih kurang sepuluh [10] kali ganda, lebih kurang sepuluh [10] kali ganda daripada yang asal, aaa daripada yang asal lah, sepuluh [10] kali ganda daripada keluasan yang asal kelebaran yang asal, keluasan yang asal (bunyi meletak cawan di pelapik cermin), mungkin jugak lebih, mungkin jugak lebih. Itu saja.

**BA : Siapakah yang menjaga masjid [Masjid Brunei Darussalam] ini sekarang?**

**ER :** Masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] adalah di bawah pengawasan pihak kita, pihak Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin dan masjid itu [Masjid Brunei Darussalam] adalah hak milik tаhfiz, Institut Pendidikan Al balaghul Mubin dan dia merupakan masjid hak milik persendirian dan bukan masjid awam dan masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] tidak digunakan untuk sembahyang jumaat. Masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] digunakan untuk pelajar tаhfiz, Institut Al Balaghul Mubin untuk menghafal al-quran di masa-masa tertentu dan

masjid kampung ni, kita ada masjid di hadapan tadi, mula-mula kita masuk itu. Itu masjid kampung ini [Kampung Rong Chenok] semua penduduk kampung ini [Kampung Rong Chenok] sembahyang jumaat di masjid luar tu, masjid kampung [Kampung Rong Chenok].

MS : **Masjid Rong Chenok**

ER : Masjid Mukim Rong Chenok kami panggil dan masjid, Masjid Brunei Darussalam ini khusus unutuk pelajar-pelajar menghafaz al-quran.

MS : **Adakah setiap waktu solat, masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] diimarahkan oleh para Jemaah?**

ER : Hampir, hampir setiap waktu kecuali masa-masa, masa-masa yang tertentu sahaja kita tidak pergi *pasal* [kerana] apa, waktu subuh kita tidak pergi, pasal jauh.Jauh dari tempat asrama kita, waktu -- waktu tengahari kita tidak pergi juga, kalau pergi pun, beberapa orang sahaja pergi *pasal* [kerana] jauh, panas, taknak berjalan jauh. Jadi kita ada, sebagai ganti kita ada *musolla* [surau] untuk tahfiz yang dibina di hujung asrama macam mana pun kita cuba mengimarahkan itu untuk pelajar-pelajar setakat semaksima boleh.

**MS : Apakah fungsi kolam yang ada di masjid itu [Masjid Brunei Darussalam]?**

**ER : Saya pun tidak pasti fungsi kolam itu kemungkinan sebagai, kolam itu kemungkinan sebagai perhiasan sahaja, sebagai perhiasan landskap untuk masjid sahaja. Setahu saya begitu la tetapi tidak pasti.**

**MS : Siapakah imam di masjid itu [Masjid Brunei Darussalam]?**

**ER : Masjid kita tidak ada imam yang tetap, yang khusus, cuma kita, para pelajar kita dan ustaz-ustaz kita sahaja yang mengimamkan solat di situ dan masjid itu [Masjid Brunei Darussalam] jugak untuk kira ada pelawat-pelawat tetamu kita yang melawat di situ, diorang itu menggunakan majid untuk solat.**

**MS : Mengapakah masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] tidak dibersihkan dalam dan luar?**

**ER : Masjid ini [Masjid Brunei Darussalam], kita menjaga kebersihan setakat kemampuan kita. Kita pun tidak ada kakitangan khas yang menjaga masjid. Kita dijaga oleh, banyak dijaga oleh pihak pelajar yang menjaga kebersihan ini *ajk* [ahli jawatankuasa] pelajar dan kita tidak dapat menjaga kebersihan sepenuhnya kerana tiap-tiap kali banjir dia tenggelam, terpaksa cuci. Kita, apa-apa yang kita buat untuk mencantikkan masjid itu [Masjid Brunei Darussalam] tidak kekal oleh kerana banjir rosak ,kena bersih, terpaksa buat baru, begitu lah berulang**

setiap tahun dan kita, oleh kerana tidak ada peruntukan khas untuk menjaga dari segi kebersihan itu (bunyi burung), kita jaga setakat (bunyi ayam berkокok) apa yang kita mampu sahaja pasal untuk menjaga itu kita tidak ada peruntukan khas dari mana-mana pihak lagipun masjid itu bukan masjid awam maknanya uuntuk pelajar-pelajar kita (bunyi ayam berkокok) dan kita jaga berdasarkan kemampuan pengurusan pihak pelajar dibantu oleh kakitangan kita sahaja.

**MS : Mengapakah masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] tidak dijadikan masjid utama bagi penduduk di kampung ini [Kampung Rong Chenok]?**

**ER : Oleh kerana (bunyi ayam berkокok) masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] dibina untuk khusus untuk pelajar menghafal al-quran dan kepentingan tahniz ini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin] tambahan pula kita sudah ada masjid khas untuk kampung ini [Kampung Rong Chenok], jadi masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] tidak diguna untuk sembahyang jumaat kerana sudah ada masjid kampung ini [Kampung Rong Chenok] yang digazet untuk sembahyang jumaat oleh kerajaan.**

**MS : Menurut sumber,mimbar masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] direka seperti topi perang pada zaman dahulu. Mengapakah mimbar masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] direka sedemikian?**

- ER : Saya pun tidak teliti lagi mimbar itu, tengok *gitu* [sambil lewa] sahaja, tidak pasti topi perang ke atau macam mana. Saya pun sepintas lalu tengok mimbar, tidak meneliti sepenuhnya, tak perasan seperti topi perang. Mungkin ada pihak-pihak berkenaan yang *sponsor* [memberi sumbangan] tidak disedari.
- BA : **Adakah masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] memang berasal bewarna putih?**
- ER : Masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] adalah wana sekarang ini [warna putih] lah, warna putih sekarang ini kan? Warna macam yang ada sekarang ini itu, warna asal dia.
- BA : **Dikatakan terdapat muzium di dalam masjid ini [Masjid Brunei Darussalam]. Apakah fungsi muzium tersebut?**
- ER : Muzium itu sebenarnya -- untuk mengumpul bahan-bahan sejarah yang berkaitan dengan sekolah tahniz ini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin] terutama - - bahan-bahan atau peninggalan arwah Datuk Nasir ataupun bahan-bahan sejarah yang ada di Kampung Rong Chenok ini peninggalan orang-orang tua setakat yang dapat dikutip dan ia ditubuhkan sebahagian untuk melengkapkan -- tahniz dan Masjid Brunei itu sendiri. Di samping itu, untuk menambah tarikan pada pelawat-pelawat.

**MS** : Apakah peralatan lama yang terdapat di masjid ini [Masjid Brunei Darussalam]?

**ER** : Peralatan itu saya tidak pasti setakat mana yang ada *pasal* [kerana] masa pameran itu memang ada banyak peralatan lama dan kemungkinan peralatan itu telah diserah balik kepada tuan punya pemilik asal. Kita tidak simpan di masjid itu takut kehilangan bahan-bahan yang dimiliki oleh individu berkenaan atau pemilik asal. Jadi kalau ada pun, mungkin beberapa barang tertentu, barang-barang biasa sahaja.

**MS** : Seperti?

**En:Ra** : Seperti kalau dokumen-dokumen keratan *sakhabar* [surat khabar] yang lama him sejarah yang disimpan oleh arwah Datuk Nasir ini, dokumen-dokumen dia, fail-fail ke ataupun - - dokumen peribadi dia. Kalau masih dia kembalikan kepada keluarga dia memang ada di situ lah dan kemungkinan dia serah balik *pasal* [kerana] takut kehilangan bahan-bahan itu.

**MS** : Seawal umur berapakah encik mengetahui tentang cerita masjid ini [Masjid Brunei Darussalam]?

ER : Sebenarnya, sebelum wujud masjid lagi, saya, *pasal* [kerana] saya lahir di kampung ini, maknanya saya ingat sebelum, kawasan sekitar ini adalah sebelum wujudnya masjid itu maknanya kiranya tempat saya bermain lah. Tempat saya musim banjir, tempat mencari ikan di kawasan sekitar tasik dan sebelum -- maknanya sebelum wujud tasik pun saya pernah melalui dan berada di kawasan ini untuk mencari ikan lah dan membuat kerja-kerja harian.

BA : **Adakah masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] diterima - adakah masjid ini lengang sejak dibina?**

ER : Rasa saya tidak lengang *pasal* [kerana] nampak lengang itu *pasal* [kerana] kita tidak tidak digunakan sebagai masjid untuk orang ramai kan. Masjid ini diguna untuk pelajar maknanya tidak digunakan khusus untuk orang awam berada di situ ataupun saja-saja suka berada di situ pasal dia kawasan persendirian kerana masa tertentu pintu pagar besar kita akan kunci untuk menjaga keselamatan harta benda di kawasan sekolah dan kawasan masjid. Oleh kerana dia kawasan "kawasan" persendirian dan masjid itulah masjid persendirian bukan masjid awam.

BA : **Adakah penduduk di kampung ini [Kampung Rong Chenok] menerima baik untuk membina masjid ini [Masjid Brunei Darussalam]?**

ER : haa ye, setahu saya penduduk “penduduk” kampung memang menerima baik dan berasa bangga lah dengan adanya masjid ini kerana dengan adanya masjid itu dan adanya tahniz Institut Al Balaghul Mubin ini kampung ini kira agak dikunjungi oleh pihak-pihak luar -- boleh kata hampir “hampir” sepanjang masa didatangi oleh pihak luar dan pihak-pihak yang kita tidak sangka-sangka datang seperti pihak kerajaan ke, pihak agensi tertentu sama ada buat “buat” lawatan, buat kajian, tinjauan dan sebagainya lah.

MS : **Apakah kisah di sebalik Masjid Brunei Darussalam ini?**

ER : Saya, setahu saya tidak ada kisah yang menarik sangat cuma, “cuma” yang saya nampak masjid ini dibina oleh pemilik itu arwah datuk nasir Datuk Haji Mohamad bin Nasir dengan kerjasama pihak Sultan Brunei sebagai untuk amal jariah dan kawasan ini dijadikan sebagai wakaf untuk amal jariah. Jadi saya rasa untuk kesinambungan agama islam kita satu kebanggaan lah dengan adanya masjid ini bukan sahaja boleh memajukan kawasan kampung ini tetapi boleh juga jadi satu tarikan pelancongan di mana ada pihak-pihak luar terutama pada bulan februari tahun dua-ribu-enam-belas [2016] baru-baru ini, kita didatangani oleh beberapa wakil belia ASEAN [The Association of Southeast Asian Nations] yang datang kunjung di sini -- di mana lawatan sambil kerjanya ke Kelantan dia singgah di sini selain pergi ke beberapa tempat yang bersejarah di negeri Kelantan lah dan saya rasa keistimewaan masjid ini kerana dia, walaupun

nampak “nampak” lengang tetapi di luar alam maya lebih menyerlah kadang-kadang lebih tahu lebih apa ni, lebih tersebar daripada penduduk sekitar pihak luar. Itu satu keistimewaan dan “dan” pihak - selain daripada penduduk setempat, pihak-pihak lain dari negeri-negeri lain hampir seluruh Malaysia buat lawatan, kunjungan untuk melihat apa sebenar keistimewaan di Masjid Brunei ini.

**MS : Adakah kisah misteri yang digembar gemburkan di dalam internet itu sahih? Dan apakah kisah tersebut?**

**ER : Apa yang saya tahu -- benda-benda misteri itu -- saya rasa tidak wujud cuma -- kadang-kadang sesetengah yang datang ke sini itu dia bermimpi ke, kemudian dia cerita balik mimpi dia berada di sini dan setahu saya tidak ada benda yang pelik lah cuma saya suatu ketika pernah di beritahu oleh ustaz kita kejadian berlakunya dikatakan ada jin “jin” yang daripada Mekkah kumpulan jin yang menunaikan haji di mekah cerita jelah pernah singgah di sini la untuk perjalanan pulang ke Indonesia tak salah saya begitu cerita,(ketawa) kemudian dia singgah sembahyang di sini, ada pelajar kita yang mungkin tak sengaja tak tahu telah meludah di suatu kawasan terkena kepada dia lah. Bila terkena pada dia, mengikut cerita ustaz yang pernah mengajar di sini itu, yang ada di kata budak ini macam kena sampuk lah, dia dipanggil sampuk kita panggil bomoh untuk memulihkan itu dan ada disebutlah jin-jin ini. Itu sahaja lah,jadi cerita jin**

mengenai jin islam ini. Betul sejaoh mana pun wallahualam jugalah. Cerita begitu sahaja berkaitan jin. Ada juga orang kata masa-masa dulu pernah ada kota tenggelam di sekitar tasik berhampiran dengan -- masjid itu tetapi mungkin sejarah dahulu ratus-ratus tahun tidak tahu setahu saya tak pernah dengar lah kota cermin di mana cuma kita terbaca dalam sejarah, dalam internet ke atau melalui orang-orang yang membuat kajian mengenai cerita-cerita misteri ini ada mengatakan lokasi Masjid Brunei ada kaitan dengan kawasan Bukit Panau di mana suatu ketika dahulu, dikatakan Wali-wali Songo,wali songo ini dia pergi -- tinggal,bertapa di Bukit Panau kemudian dia ada melalui kawasan sini lah ada kaitan-kaitan. Jadi saya pun tidak pastilah cerita-cerita macam cerita mitos jugaklah, cerita orang tua, cerita-cerita orang yang membuat kajian ini, kajian-kajian misteri. Jadi yang sebenarnya cerita-cerita ini saya pun tidak pernah jumpa, tidak pernah dengar lah. Akhir-akhir ini baru kita boleh dengar jelmaan Kota Cermin , hal-hal misteri lah mungkin juga kita tidak ambil kisah benda-benda begini masa dahulu kan, jadi bila sudah tiada pengkaji lebih tahu tetapi secara jujurnya saya tidak pernah jumpa, tidak pernah dengar cerita-cerita itu sebelum ini.

**BA : Berkenaan pelajar tahfiz yang terkena sampuk itu memang jadi la?**

**ER : Memang terjadi “memang terjadi” tetapi mungkin bila dia sampuk itu kita tidak pasti memang betul ke jin gangguan ke. Itu mengikut kata bomoh yang**

membuat rawatan itu, bomoh itu bercakap bahasa yang, bahasa jin, bahasa yang kita tidak faham.

- BA : Selain daripada perkara tersebut, pernahkah perkara, kejadian misteri lain berlaku di Masjid Brunei [Masjid Brunei Darussalam]?
- ER : Setahu saya tidak ada la..Biasa sahaja.

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

## **BAHAGIAN 4: AKTIVITI DI MASJID BRUNEI DARUSSALAM**

- MS : Bahagian seterusnya aktiviti di Masjid Brunei Darussalam. Apakah aktiviti yang pernah diadakan di sini?
- ER : Aktiviti di masjid ini, masjid biasanya pelajar-pelajar menghafaz al-quran, aktiviti lain maksudnya aktiviti kurikulum yang dibuat oleh pelajar di sekitar masjid itu dan pihak-pihak luar pun ada menyewa kawasan untuk menjalankan aktiviti kem di kawasan masjid dan menggunakan masjid serta dewan kawasan masjid untuk aktiviti kem pelajar ataupun pihak-pihak persatuan mengadakan aktiviti masing-masing dengan membuat permohonan kepada pihak sekolah tahfiz dan kebanyakan masjid itu digunakan sepenuhnya untuk kegunaan pelajar. Itu saja dan untuk aktiviti keagamaan terutamanya hal-hal al-quran menyelami al-quran. Selain daripada itu, persekitaran masjid ini juga di tasik itu pernah juga pihak-

pihak kampung sekitar, pihak-pihak lain menjalankan aktiviti memukat ikan, menjala, memukat, menangkap ikan menggunakan pukat tarik sebagai aktiviti kekeluargaan.

MS : Ada ikan di tasik itu?

ER : Ya.

MS : Boleh mancing?

ER : Mancing boleh. Memancing, memukat, menjaring, tahan taut. Taut tahu?

MS : Tahu.

MS : Siapakah yang datang dan pernah buat program di sini [Masjid Brunei Darussalam]?

ER : Pelbagai “pelbagai” pihak yang datang. So [jadi] pihak-pihak sekolah, pihak persatuan dan pihak NGO [Non-Government Organization] pun ada. Baru-baru ini pihak daripada *mountain bike* [basikal gunung] Kelantan, dan ada pula pihak kelab motor besar dari Kuala Lumpur tidak silap saya ada buat macam aktiviti kunjungan ke sini lah semasa lawatan aktiviti program mereka. Ada juga pihak bomba dan penyelamat buat latihan untuk penduduk sini ataupun pihak

penduduk pihak luar pun ada buat latihan, belia ataupun pihak-pihak sekolah --  
harian biasalah termasuk pihak sekolah arab buat kem.

**MS : Sekiranya pelajar UiTM [Universiti Teknologi Mara] ingin mengadakan program di sini, adakah pihak masjid membenarkan dan apakah aktiviti yang sesuai dilakukan di sini [Masjid Brunei Darussalam]?**

**ER : Biasanya pihak kita tidak apa ni – kita terbuka untuk bagi pihak luar menjalankan aktiviti di kawasan masjid tetapi syarat keutamaanya menjaga harta benda masjid, menjaga tatasusila nama masjid maknanya kalau kita kata tidak boleh bercouple-couple la (berpasang-pasangan) lelaki perempuan di kawasan masjid perlu dihormati lah. Untuk aktiviti biasa -- aktiviti yang ringan lah, yang lasak tidak sesuai, aktiviti ringan macam kem ke ataupun jenis -- pidato ke,bahas ataupun sengakatan dengan itu lah dan kita biasanya tiada halangan sekiranya berlaku, tidak bertembung dengan aktiviti sekolah dan tidak bertembung dengan aktiviti luar yang menjalankan aktiviti yang telah ditempah oleh mereka.Kalau ada masa dan waktu yang terluang kita bagi mana-mana pihak yang ingin menjalankan aktiviti di kawasan itu dengan syarat meminta atau meminta kebenaran dari pihak tahfiz kita,pihak pengetua.**

**MS : Selain kami, pernahkah pengkaji lain yang hadir untuk mengetahui cerita**

**masjid ini [Masjid Brunei Darussalam]?**

ER : Ya, memang ada beberapa pengkaji lain yang membuat kajian tentang masjid, danau, kampong ini dan yang berkaitanlah dan boleh kata -- acap kali juga lah dari pihak-pihak yang berlainan dari segi pelajar sejarah, pelajar -- pelbagai sudut yang mereka perlu lah dan kita bagi kerjasama setakat yang kita mampu sahaja lah.

BA : **Bilakah kali terakhir pengkaji tersebut datang?**

ER : Pengkaji - - kali terakhir minggu lepas daripada UiTM [Universiti Teknologi Mara], pelajar UiTM (Universiti Teknologi Mara) yang membuat tesis daripada UiTM [Universiti Teknologi Mara] Machang. Itu kali terakhir setakat ini.

BA : **Selain belajar ilmu agama, apakah aktiviti yang dilakukan oleh pelajar maahad?**

ER : Selain daripada belajar agama, kita ada aktiviti kokurikulum -- pertandingan-pertandingan semasa, dikir barat, nasyid, main bola dan ada juga aktiviti luar, perkhemahan di luar kawasan lah dan hujung bulan ini kita ada buat kem, perkhemahan di Resort Pantai Sri Telong Bachok selama tiga [3] hari dan ini adalah aktiviti tahunan kita setiap tahun aktiviti dipanggil rehlah dan selain dari program itu, kita ada jugak menghantar pelajar kita untuk menjadi imam terawih

ke luar kawasan kampung kita dan ini terlibat bukan sahaja di negeri Kelantan dan terlibat di negeri-negeri lain lah Selangor, Penang, Pahang hampir seluruh Malaysia. Imam pelajar kita dilantik sebagai imam terawih di masjid-masjid dan *madrasah* [surau] di surau-surau di seluruh Malaysia dan di Kelantan sendiri pun.

**MS : Berapa Ramaikah pekerja di Institusi ini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin]**

**ER : Kita, pelajar kita kakitangan ye?**

**MS : Ya.Kakitangan**

**ER : Kakitangan kita, staf bukan guru dan guru kita ada enam-belas-orang [16]. Enam-belas-orang [16] itu termasuk kakitangan sambilan.**

**MS : Pekerja di sini ini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin] berasal dari mana?**

**ER : Pekerja di sini berasal, ada daripada Kelantan, daripada kampong ini sendiri pun ada, dan daripada Kedah, daripada Thailand, daripada Selangor, daripada Pahang.**

**MS : Dari manakah pelajar tahfiz ini berasal?**

**ER : Pelajar tahfiz ini pelbagai kawasan daripada Kelantan, kebanyakannya dari negeri-negeri Malaysia, Pahang, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan daripada Thailand, daripada negeri China, daripada Amerika tetapi tidak ramailah seorang dua. Setakat ini daripada negeri China dua [2] orang pelajar, daripada Amerika seorang, Thailand kita tidak ambil buat masa ini. Tahun ini baru ada daripada kita tidak ambilah. Setakat ini ada empat [4] lima [5] orang jugalah dari luar Malaysia.**

**MS : Adakah pelajar di sini ini [Institut Pendidikan Al Balaghul Mubin] semuanya lelaki?**

**ER : Ya. Kita semua pelajar ini 100 peratus lelaki.**

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

### **BAHAGIAN 5: KISAH DI SEBALIK PENUBUHAN MASJID BRUNEI DARUSSALAM**

**MS : Berapa lamakah masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] siap dibina?**

**ER : Tempoh masjid ini siap dibina, saya tidak ada rekod *pasal* [kerana] semasa pembinaan itu saya tiada di kampong ini. Tidak dapat dipastikan.**

**MS : Adakah pada permulaan pembinaan masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] sebagai tanda hubungan Kelantan dan Brunei?**

**ER : Boleh dianggap sebagai salah satu tanda perhubungan diantara Kelantan dengan Brunei.**

**MS : Adakah masjid ini [Masjid Brunei Darussalam] kepunyaan Kampung Rong Chenok atau kepunyaan Kampung Tok Uban atau kedua-duanya?**

**ER : Sebenarnya masjid ini adalah kepunyaan arwah Datuk Hj Mohamad Nasir sebagai pewakaf masjid ini. Masjid ini kepunyaan bersama antara arwah Datuk Hj Mohamad Nasir dan Sultan Brunei. Macam mana pun, oleh kerana duduk di Kampung Rong Chenok dan duduk di Mukim Tok Uban, kita anggapnya masjid kita juga. Kita anggap masjid Kampung Rong Chenok, kepunyaan warga Tok Uban.**

**BA : Dikatakan terdapat batu besar yang ada di sekitar masjid. Adakah ia berkaitan dengan masjid ini [Masjid Brunei Darussalam]?**

**ER : Setahu saya, batu besar itu tidak ada kaitan dengan masjid *pasal* [kerana] mungkin batu itu sudah lama wujud di kawasan berkenaan dan masjid ini baru semenjak penubuhan yang dikatakan tadi lah. Baru *bena* lah [sangat] dari segi hubungan maknanya dari segi pembinaan masjid kalau hendak dikira jarak**

pembinaan dengan batu yang ada di situ maksudnya tidak ada kaitan dari segi zahir lah, dari segi mitosnya wallahualam.

**BA : Batu besar itu sudah tiada ke?**

**ER : Batu besar itu, saya pun tidak pasti sekarang ini kerana kebanyakan aliran anak sungai yang melalui itu, sekarang ini dipenuhi oleh semak samun mungkin ditenggelami air tidak tahu lah, kisah lama sangat. Kita pun tidak ada kaitan, kita biarkan begitu sahaja.**

**MS : Tetapi, batu besar itu memang tidak ada kisahnya lah?**

**ER : Tidak ada kisah. Bagi saya, saya rasa tiada kaitan dengan masjid.**

**MS : Okey [baiklah], itu sahaja temuramah kami dan untuk pengetahuan encik kami akan keluarkan cerita ini dalam bentuk bercetak. Terima kasih Encik Rahim kerana sudi meluangkan masa untuk berkongsi cerita yang penuh bermakna bersama kami dan In sha Allah selepas kami dokumentasikan maklumat ini, kita akan bagi salinan untuk simpanan masjid ataupun maahad tahfiz. Terima kasih Encik Rahim.**

**ER : Sama-sama.**

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## RUJUKAN

*Asal usul keturunan mu: Kisahnya.* (2012). *Amrlife-amran.blogspot.my*. Retrieved 4 April 2016, from <http://amrlife-amran.blogspot.my/2012/11/misteri-danau-tok-uban-dan-kisah-bukit.html>

*Istana Balai Besar Insider: Sejarah Masjid Brunei di Danau Tok Uban.* (2012). *Mutaqinqb96.blogspot.my*. Retrieved 9 April 2016, from <http://mutaqinqb96.blogspot.my/2012/07/sejarah-masjid-brunei-di-danau-tok-uban.html>

*Misteri Kota Wali Songo yang Hilang di Malaysia.* (2015). *detikTravel*. Retrieved 11 May 2016, from <http://travel.detik.com/read/2015/07/08/115153/2963360/1520/misteri-kota-wali-songo-yang-hilang-di-malaysia>

Sapiee, R. (2007). *SENI LAMA MELAYU (MALAY OLDEN ART): Akhirnya, Masjid Brunei di Danau Tok Uban! (At last, the Brunei Mosque at Danau Tok Uban!).* *Artmelayu.blogspot.my*. Retrieved 10 May 2016, from <http://artmelayu.blogspot.my/2007/07/akhirnya-masjid-brunei-di-danau-tok.html>

*sejarah kelantan purba | The Royal Orchard.* (2016). *Dusunraja.wordpress.com*. Retrieved 1 May 2016, from <https://dusunraja.wordpress.com/tag/sejarah-kelantan-purba/>

# **LAMPIRAN**

# **LOG WAWANCARA**

## **PITA 1 BAHAGIAN 1**

<b>MASA</b>	<b>SUBJEK/PERKARA</b>	<b>NAMA/RUJUKAN/PERISTIWA</b>
00:01:49	Menceritakan latar belakang	Berumur enam puluh lima tahun Kerani Akaun Tahfiz Al-Balaghul Mubin Kampung Belimbing Tanah Merah, Kelantan Lima orang anak
00:03:16	Faktor masih bekerja walaupun dah bersara	Membantu tahfiz Al-Balaghul Mubin Berkhidmat sukarela Amal jariah
00:07:15	Tempat berkhidmat atau bekerja sebelum berpindah	Sekolah Menengah Vokasional Pengkalan Chepa Jabatan Pelajaran Pahang Sekolah Menengah Sungai Koyan Kuala Lipis Jabatan Pelajaran Terengganu Kampung Batu Buruk
00:09:23	Taraf dan tempat pendidikan	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia Sekolah Kebangsaan Benchang Kelubi Sekolah Menengah Lundang Sekolah Menengah Lemal

**TAMAT PITA 1 BAHAGIAN 1: PITA 1 BAHAGIAN 2**

MASA	SUBJEK/PERKARA	NAMA/RUJUKAN/PERISTIWA
00:10:51	Latar belakang Masjid Brunei	Masjid Brunei Darussalam Kampung Rong Chenuk, Pasir Mas, Kelantan
		Masjid Brunei Danau Toban
		Masjid Putih
00:11:42	Pemberi nama Masjid Brunei	Datuk Nasir
		Sultan Brunei
00:12:08	Keunikan dan ciri-ciri Masjid Brunei	Tebing tasik
		Jeti terapung
		Marmar
		Pereka khas
00:14:17	Sejarah penubuhan Masjid Brunei	23 Januari 1992
		18 Rejab 1412 Hijrah
		Khamis
		Ke Bawah DYMM Tuanku Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra
		Syarikat kontraktor melayu bumiputera
		Datuk Haji Mohamad bin Nasir
00:16:51	Keluasan dan reka bentuk Masjid Brunei	Kawasan tanah tapak 4 ekar
		Keseluruhan kawasan 16 ekar
		Dua tingkat
00:17:24	Fungsi jeti di Masjid Brunei	Perasmian Masjid Brunei
		Parkir bot dan perahu
00:20:49	Simbolik Masjid Brunei kepada Negeri Kelantan dan Brunei	Amal jariah dari Sultan Hasanul Bolkiah
		Pelancongan
		Perhubungan peribadi

## 00:25:18 Kaitan Masjid Brunei dengan Tok Uban dan Bukit Panau

Kampung Rong Chenuk terletak di Mukim Tok Uban

TAMAT PITA 1 BAHAGIAN 2: PITA 1 BAHAGIAN 3

MASA	SUBJEK/PERKARA	NAMA/RUJUKAN/PERISTIWA
00:26:33	Kaitan Masjid Brunei dengan Negara Brunei	Sultan Haji Omar Ali Saifudin Plak dinding masjid Masjid Brunei Darussalam Seni bina sama dengan Masjid di Brunei Darussalam
00:29:10	Sejarah tasik	Danau Toban Danau Tok Uban Danau Toba Aliran anak sungai Jambatan Jegor Kijang Tanjung Kampung Berchang Batu Hampar Emapangan air Kawasan padi jajahan Pasir Mas Sungai Lemal Sungai Golok, Takbai
00:34:12	Tujuan gate (benteng) di bina	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Mengumpul air ke sawah padi Tanaman padi tiga kali setahun Setiap tahun
00:35:55	Kejadian banjir di kawasan Masjid	

	Brunei	Hampir semua kawasan masjid dan sekitar tenggelam
00:40:31	Masjid Brunei diguna dan dijaga	Kawasan masjid paras peha Kawasan tahfiz paras dada Pihak Institut Pendidikan Al Balaghul Pelajar tahfiz Pelawat-pelawat
00:47:34	Fungsi muzium di Masjid Brunei	Simpan bahan sejarah tahfiz Al-Balaghul Mubin Simpan bahan peninggalan arwah Datuk Nasir Bahan sejarah Kampung Rong Chenuk Tarikan kepada pelawat
00:52:17	Penerimaan penduduk kampung terhadap Masjid Brunei	Menerima baik Merasa bangga
00:57:25	Kisah misteri di sebalik Masjid Brunei	Jin singgah sembahyang di Masjid Kejadian sampuk Kota tenggelam Wali Songo Kota Chermin

#### **TAMAT PITA 1 BAHAGIAN 3: PITA 1 BAHAGIAN 4**

<b>MASA</b>	<b>SUBJEK/PERKARA</b>	<b>NAMA/RUJUKAN/PERISTIWA</b>
01:01:38	Aktiviti yang dijalankan di kawasan Masjid Brunei	Menghafaz al-quran Aktiviti Kokurikulum Kem pelajar Memukat ikan Menjala <b>Aktiviti Kekeluargaan</b>

01:03:54	Pihak-pihak yang pernah membuat program di Masjid Brunei	Pihak sekolah Pihak persatuan NGO Kelab moto besar, Kuala Lumpur Pihak Bomba dan Penyelamat
01:05:38	Syarat untuk pihak yang ingin mengadakan aktiviti di Masjid Brunei	Menjaga harta benda masjid Menjaga tatasusila Aktiviti ringan Minta kebenaran dari pihak tahfiz
01:08:45	Aktiviti yang dilakukan pelajar tahfiz Al-Balaghul Mubin	Aktiviti agama Aktiviti kokurikulum Dikir barat Nasyid Main bola Aktiviti perkhemahan Imam terawih
01:10:46	Bilangan pekerja di Institut Pendidikan Al-Balaghul Mubin	Enam belas orang
01:11:09	Tempat asal pekerja dan pelajar Institut Pendidikan Al-Balaghul Mubin	Kelantan Kedah Thailand Selangor Pahang Perak Terengganu China Amerika

**TAMAT PITA 1 BAHAGIAN 4: PITA 1 BAHAGIAN 5**

<b>MASA</b>	<b>SUBJEK/PERKARA</b>	<b>NAMA/RUJUKAN/PERISTIWA</b>
01:13:05	Tempoh pembinaan Masjid Brunei	Tidak ada rekod
01:13:45	Pemilik sebenar Masjid Brunei	Datuk Hj Mohamad Nasir Sultan Brunei
00:15:09	Kaitan batu besar dengan Masjid Brunei	Warga Tok Uban Tiada kaitan dari segi zahir

**TAMAT PITA 1 BAHAGIAN 5**

# **DIARI KAJIAN**

<b>MASA</b>	<b>TARIKH</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN</b>
8.00pg-10.00pg	17 Mac 2016	<u>Pemilihan topik.</u>  Topik yang dipilih ialah mengenai Masjid Brunei Danau Tok Uban.	Memilih topik yang kebanyakkan masyarakat tidak tahu akan cerita sebenarnya.
8.00pg-10.00pg	17 Mac 2016	Mencari maklumat yang lebih terperinci mengenai sejarah Masjid Brunei danau Tok UBan	Pencarian maklumat melalui laman sesawang.
12.00tghri-2.00ptg	20 Mac 2016	Mendapatkan maklumat mengenai tokoh yang boleh ditemubual iaitu tokoh yang boleh menceritakan mengenai Masjid Brunei Danau Tok Uban.	Pergi ke kampung Danau Tok Uban. Mencari dan Mendapatkan nombor tokoh yang boleh ditemubual
3.00ptg-6.00ptg	20 Mac 2016	Untuk mengenal lebih rapat penduduk yang tinggal di Kampung Danau Tok Uban.	Pencarian Kampung Masjid Brunei Danau Tok Uban.

2.30ptg-2.45ptg	22 Mac 2016	Mengambil nombor telefon tokoh sebenar yang dapat menceritakan mengenai Masjid Brunei Danau Tok Uban.	Berjumpa Dengan Ustaz di Maahad tahfiz untuk mendapatkan no telefon tokoh.
9.00pg-9.15pg	23 Mac 2016	Meminta kebenaran untuk menemubual tokoh dan menetapkan tarikh untuk perjumpaan pertama.	Seterusnya berjumpa sendiri dengan beliau.
2.30ptg-4.30ptg	25 Mac 2016	<u>Perjumpaan pertama bersama tokoh.</u>  Perjumpaan berlaku di Maahad Tahfiz iaitu kerani di Maahad tahfiz tersebut dan juga penduduk tempatan bertujuan untuk mengetahui biodata tokoh dan sedikit sebanyak mengenai Masjid Brunei dan Perjumpaan bersama tokoh berlaku selama 2 jam.	Mencatat segala perkara penting yang dinyatakan oleh tokoh.  Mengambil rujukan segala bahan bukti yang diberikan oleh tokoh.

# **SENARAI SOALAN**

## **SOALAN TEMUDUGA**

### **Bahagian 1: Latar Belakang Pencerita**

1. Siapakah nama encik?
2. Apakah nama pangilan mesra encik?
3. Berapakah umur Encik Rahim?
4. Apakah pekerjaan Encik Rahim sekarang?
5. Sudah berapa lamakah Encik Rahim berkhidmat di tempat bekerja sekarang?
6. Mengapakah Encik Rahim bekerja di sini?
7. Mengapakah Encik Rahim masih bekerja walaupun dah bersara?
8. Dimanakah Encik Rahim tinggal sekarang?
9. Apakah nama kampung Encik Rahim ini?
10. Adakah Encik Rahim berasal dari kampung ini sejak kecil?
11. Adakah ibubapa Encik Rahim masih ada?
12. Apakah mereka berasal dari kampung ini juga?
13. Berapakah ahli keluarga(adik beradik) Encik Rahim?
14. Adakah mereka juga tinggal di kampung ini?
15. Mengapakah pak cik masih tinggal di kampung ini?
16. Berapa lamakah perjalanan daripada Kg. Belimbing iaitu rumah Encik Rahim ke pejabat?
17. Adakah Encik Rahim pernah menetap di luar daripada kampung ini?
18. Dimana Encik Rahim menetap sebelum berpindah ke kampung ini semula?
19. Apakah status Encik Rahim?
20. Adakah isteri Encik Rahim berasal dari kampung ini juga?
21. Apakah pekerjaan isteri Encik Rahim?
22. Adakah anak-anak Encik Rahim tinggal bersama?

23. Apakah taraf pendidikan Encik Rahim?
24. Dimanakah sekolah rendah dan menengah yang Encik Rahim pernah belajar?

#### **Bahagian 2 : Latar Belakang Masjid Brunei Darussalam, Danau Tok Uban**

25. Apakah nama sebenar masjid Brunei?
26. Apakah nama lain bagi masjid Brunei?
27. Siapakah yang memberi nama untuk masjid ini?
28. Apakah keunikan utama masjid Brunei?
29. Apakah ciri2 yang Encik Rahim maksudkan itu?
30. Bilakah masjid ini ditubuhkan?
31. Siapakah yang membina masjid ini?
32. Mengapakah masjid ini dibina di sini?
33. Berapakah keluasan Masjid Brunei Darussalam ini?
34. Berapa tingkat masjid ini?
35. Dikatakan ada jeti di belakang masjid. Apakah fungsi jeti tersebut?
36. Adakah jeti tersebut pernah digunakan?
37. Bot itu datang daripada arah mana?
38. Siapakah yang tingal di sebuah pulau dan rumah berhampiran dengan masjid ini?
39. Apakah simbolik masjid ini kepada negeri Kelantan dan Brunei?
40. Adakah kerabat diraja Kelantan mengakui akan sejarah masjid ini dengan Brunei?
41. Pernah kah sultan Kelantan melawat atau solat di masjid ini?
42. Adakah masjid ini diiktiraf oleh kerajaan negeri sebagai keunikan di negeri Kelantan?
43. Adakah pihak kerajaan pernah datang kesini untuk menambahbaik masjid ini dan tahfiz?

44. Adakah masjid ini mempunyai kaitan dengan Tok Uban dan Bukit Panau?

### **Bahagian 3 : Sejarah Masjid Brunei Darussalam**

45. Apakah kaitan masjid ini dengan Sultan Brunei?
46. Kaitan juga lah?
47. Itu ayah sekarang?
48. Apakah bukti yang menunjukkan masjid ini ada kaitan dengan Sultan Brunei?
49. Siapakah keturunan Sultan Brunei yang masih tinggal di sini?
50. Apakah nama tasik ini?
51. Adakah tasik ini tasik semulajadi atau tasik buatan?
52. Bersambung dengan sg. Kelantan?
53. Pernahkah tasik ini melimpahi tebing dan banjir di brunei?
54. Memang setiap tahunla?
55. Termasuk masjid?
56. Berapakah keluasan tasik ini?
57. Siapakah yang menjaga masjid ini sekarang?
58. Adakah masjid ini dijadikan tempat untuk solat jumaat?
59. Siapakah jemaah masjid ini?
60. Adakah setiap waktu solat masjid ini diimarahkan oleh para jemaah?
61. Apakah fungsi kolam yang ada di masjid itu?
62. Siapakah imam di masjid ini?
63. Mengapakah masjid ini tidak dibersihkan dalam dan luar?
64. Mengapakah masjid ini tidak dijadikan masjid utama bagi penduduk di kampong ini?

65. Mengapakah mimbar masjid ini direka seperti topi perang pada zaman dahulu?
66. Adakah masjid ini berasal berwarna putih?
67. Apakah fungsi muzium di masjid ini?
68. Apakah peralatan lama yang terdapat di masjid ini?
69. Buku apakah yang ditinggalakan oleh masyarakat dahulu kala?
70. Apakah keistimewaan masjid ini?
71. Seluas mana kawasan ini?
72. Seawal umur berapakah Encik Rahim mengetahui cerita tentang masjid ini.
73. Adakah masjid ini lengang sejak dibina?
74. Kemanakah perginya Jemaah di masjid ini?
75. Mengapakah di tengah2 tasik ini ada pulau?
76. Adakah penduduk di kampung ini menerima baik untuk membina masjid ini?
77. Apakah kisah di sebalik masjid Brunei Darussalam ini?
78. Apakah kisah misteri yang digembar gemburkan di dalam internet itu sahih? Dan apakah kisah tersebut?
79. Berkenaan pelajar tahfiz yang terkena sampuk itu memang terjadi la?
80. Pernahkah kejadian misteri lain berlaku di masjid ini?

#### **Bahagian 4: Aktiviti Di Masjid Brunei Darussalam**

81. Apakah aktiviti yang pernah diadakan di sini?
82. Siapakah yang datang dan pernah membuat program di sini?
83. Sekiranya pelajar UiTM ingin mengadakan program di sini, adakah pihak masjid membenarkan dan apakah aktiviti yang sesuai dilakukan disini?

84. Apakah kaitan masjid ini dengan Maahad Tahfiz?
85. Adakah masjid dan maahad tahfiz itu dibina serentak?
86. Selain kami, pernahkah pengkaji lain yang hadir untuk mengetahui cerita masjid ini?
87. Bilakah kali terakhir pengkaji tersebut datang?
88. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh pelajar maahad selain belajar ilmu agama?
89. Berapa ramaikah pekerja di institusi ini?
90. Pekerja di sini berasal dari mana?
91. Dari manakah pelajar tahfiz disini berasal?
92. Adakah pelajar di sini semuanya lelaki?
93. Apakah orang luar boleh menggunakan masjid ini?

#### **Bahagian 5: Kisah Di Sebalik Penubuhan Masjid Brunei Darussalam**

94. Berapa lamakah masjid ini siap dibina?
95. Bilakah masjid ini siap dibina?
96. Adakah pada permulaan pembinaan masjid ini sebagai tanda hubungan Kelantan dan Brunei?
97. Adakah masjid ini kepunyaan kampong Rong Chenuk atau kepunyaan kampong Tok Uban atau kedua-duanya?
98. Dikatakan terdapat batu besar yang ada di sekitar masjid. Adakah ia berkaitan dengan masjid ini?
99. Batu besar itu sudah tiada ke?
100. Tetapi, batu besar itu memang tidak ada kisahnya lah?

# **SURAT PERJANJIAN**

# **SURAT PERJANJIAN**



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**Machang, Kelantan**

# PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan EN ABU BAKAR B. LATIFF Pada 26/04/2015

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
  2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
  3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh penghisah (interviewee).
  4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.
  5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyalidik dalam dan luar negeri mulai dari 02/05/2016.. (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan.  
Dipersetujui pada 26/04/2016.... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah

**Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.**

abat Timbalan Rektor  
Hal Ehwal Akademik)  
(Deputy Rector Office  
Academic Affairs)

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan**  
Bulet Ilmu, 18500 Machang, Kelantan  
Website : <http://www.kelantan.uitm.edu.my>  
Tel : (09) 976 2266/2976 2162 Faks: (09) 976 2156  
Email: [gpeahku@kelantan.uitm.edu.my](mailto:gpeahku@kelantan.uitm.edu.my)



Tarikh : 21 April 2016

Surat Kami : 100-KK(HEA 30/7/2)

## KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan / Puan

### PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

BIL	NAMA	NO. UiTM
1	MOHD SYAHIR BIN RAHIM	2013936679
2	NORBADRUL AIMAN BIN HASAN	2013166055

Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari **SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEP) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (IM245)**, bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan kursus yang mereka ikuti **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahiaskan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi saudara **MOHD SYAHIR BIN RAHIM**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.  
Sekian terima kasih.

Yang benar,

**NAJIBAH BINTI MOHAMED NAZIR**  
Penolong Pendaftar (Hal Ehwal Akademik)  
b/p TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

# GAMBAR



Gambar 1: Sesi temuramah bersama tokoh

# INDEKS

*A*

*agama* 3, 32, 36, 39

*amal jariah* 3, 11, 15, 18, 32

*adik beradik* 4, 5

*air* 10, 13, 14, 20, 21, 23, 24, 42

*asset* 17, 18

*al-quran* 25, 28, 36

*awam* 25, 27, 31

*G*

*guru* 2, 3, 27, 39

*I*

*ahli keluarga* 4

*imam* 26, 39

*ikan* 3, 5, 6, 7, 10, 11, 12, 14, 15, 16, 17, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 36, 39, 40, 41, 42

*institut* 40

*J*

*jawatan* 2, 27

*B*

*jeti* 10, 13, 14

*batu besar* 42

*jemputan* 13

*bersara* 6

*jin* 33, 34, 35

*bekerja* 7

*K*

*berkaitan* 12, 29, 34, 38, 42

*bot* 13, 14

*kampung* 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 9, 10, 16, 17, 19,  
20, 22, 23, 25, 28, 29, 31, 32, 36,  
39, 41

*brunei* 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 22, 23,  
25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34,

*kawasan* 12, 13, 20, 21, 22, 23, 24, 31, 32,  
33, 34, 36, 37, 38, 39, 40, 42

35, 36, 38, 41, 42

*M*

*kerajaan* 6, 15, 16, 28, 32

*meninggal* 4

*keturunan* 19

*masjid* 1, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, *kakitangan* 27, 39  
19, 20, 22, 23, 25, 26, 27, 28, 29, 30,  
32, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 41,  
42

S

mimbar 28

*mitos* 34, 42 *staf* 39

*syarikat 11*

N

*sungai* 6, 14, 20, 21, 22, 24, 42

*nama* 2, 4, 8, 9, 13, 14, 19, 21, 24, 37      *sekolah* 3, 6, 8, 11, 17, 18, 22, 29, 31, 36, 37,  
38

sampuk 34, 35

P

T

*pelajar-pelajar* 2, 25, 26, 27, 36

*pentadbiran 3* *time 8, 33*

*pendidikan* 3, 5, 6, 7, 11, 12, 14, 15, 16, 17,    *tasik* 10, 19, 20, 21, 22, 24, 31, 34, 36, 42

persatuan 36, 37

*pelawat-pelawat* 14, 26, 29

pelancongan 15, 32

putih 1, 9, 29